



*Institusi Raja
Berperlembagaan
di Malaysia*



Ketua Utama Negara

Perkara 32: Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya

- (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.
- (2) Isteri Yang di-Pertuan Agong (digelar Raja Permaisuri Agong) hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.
- (3) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-raja bagi tempoh lima tahun, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Majlis Raja-raja atau boleh dipecat daripada jawatannya oleh Majlis Raja-raja, dan hendaklah berhenti memegang jawatan apabila terhenti menjadi Raja.
- (4) Peruntukan Bahagian I dan III Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi pemilihan dan pemecatan Yang di-Pertuan Agong.



Sidang Redaksi

Editor Bersekutu

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan

Penasihat

Haji Ibrahim Bin Abdul Rahman

Ketua Pengarah

Jabatan Penerangan Malaysia

Datuk Poziah Binti Abdul Rahman

Timbalan Ketua Pengarah (Penerangan Strategik)

Jabatan Penerangan Malaysia

Tarmidzi Hashim

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Jabatan Penerangan Malaysia

Sidang Pengarang

Ketua Pengarang

Datin Omi Habibah Haji Shariff

Pengarah Bahagian Penerbitan Dasar Negara

Timbalan Ketua Pengarang

Haji Shaari Haji Idris

Pengarang

Haji Zabidin Haji Ismail

Penyunting

Mohd Ayop Abd Razid

Penyelaras

Yanooremyliana Yahya

Penyelidik

Norlida Mohd Ibrahim

Roslen Jati A/K Jeffery Sut

ISBN 978-983-54-0567-9

Cetakan Pertama, April 2012

Jabatan Penerangan Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

KEMENTERIAN
PENERANGAN
KOMUNIKASI
& KEBUDAYAAN



JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA

Diterbitkan di Malaysia oleh

Ketua Pengarah

Jabatan Penerangan Malaysia

Aras 9 – 16 & 18 & 20,

Kompleks Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan

No. 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62100 Putrajaya, Malaysia

No. Telefon : 603 - 8911 3440

No. Faks : 603 - 8911 4957

Laman Web : <http://www.penerangan.gov.my>

Portal : <http://www.pmr.penerangan.gov.my>

Emel : webmaster@inform.gov.my

Pustaka Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia

ISBN 978-983-54-0567-9

1. Monarchy--Malaysia.

2. Malaysia--Kings and rulers

I. Malaysia. Jabatan Penerangan

352.2309595

Fotografi

**Unit Fotografi, Cawangan Pusat Sumber
dan Foto Bahagian Komunikasi Visual
dan Seni Reka Jabatan Penerangan Malaysia**

Reka Bentuk Kulit dan Reka Letak oleh

Jaffri Amin Advertising Sdn Bhd

Dicetak oleh

Jaffri Amin Advertising Sdn Bhd

DR. MAHATIR MOHAMAD



*Institusi Raja
Berperlembagaan
di Malaysia*

PUSTAKA PERDANA



1009528

Kandungan

TINTA KASIH

- Menteri
Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan *i*
- Ketua Setiausaha
Kementerian Penerangan Komunikasi
dan Kebudayaan *ii*
- Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia *iii*

ASAL-USUL KESULTANAN MELAYU *2*

RAJA BERPERLEMBAGAAN

- Raja Berperlembagaan *7*
- Majlis Raja-raja *8*
- Pemilihan Yang di-Pertuan Agong *11*
- Pemecatan *12*
- Kedudukan *12*
- Bidang Kuasa *14*
- Agama *15*
- Kuasa Perundangan *16*
- Persidangan Parlimen *19*
- Membubar Atau Menangguh
Pembubaran Parlimen *19*
- Melantik Perdana Menteri *20*
- Pentadbiran dan Perlantikan *23*
- Kuasa Pengampunan *24*
- Ketenteraan *25*
- Perisytiharaan Darurat *25*
- Raja dan Rakyat *29*
- Sekatan *30*

ISTIADAT PERTABALAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG *31*

358.2309595
INS



**PAKAIAN ISTIADAT SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
DAN SERI PADUKA BAGINDA RAJA
PERMAISURI AGONG**

- Muskat 42
- *Mees kit* 43
- Tengkolok Diraja 44
- Pending Diraja 45
- Keris Pendek Diraja 46
- Gandik Diraja 47
- Kalung Diraja 48

ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA

- Keris Panjang Diraja 50
- Cogan Agama 51
- Cogan Alam 52
- Cokmar 53
- Pedang, Keris Panjang dan Sundang Diraja 54
- Payung Ubur-ubur Kuning 55
- Tombak Berambu 56

NOBAT 57

**PANJI SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

61

ISTANA NEGARA

63

- Singgahsana 67
- Singgahsana Kecil 68
- Bilik Mesyuarat Raja-raja 69
- Seri Maharaja 70
- Seri Negara 71
- Seri Mahkota 72

**DARJAH KEBESARAN, BINTANG
DAN PINGAT PERSEKUTUAN**

73

**RIWAYAT HIDUP SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG XIV**

96

**RIWAYAT HIDUP SERI PADUKA
BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUANKU HAJAH HAMIHAH**

107

SENARAI AGONG

115

BIBLIOGRAFI

134



**DATO' SERI UTAMA
DR. RAIS YATIM**

Menteri
Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan

Sejambak Tinta

Penulisan buku *Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia* ini amat bertepatan sekali sempena Majlis Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke XIV, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badli Shah sebagai tanda penghargaan kepada Baginda Tuanku yang telah ditabalkan buat kali kedua sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Buku ini merakamkan institusi Raja Berperlembagaan merangkumi aspek-aspek berkaitan adat istiadat, alat-alat kebesaran Diraja, nobat, panji-panji, darjah-darjah kebesaran dan Istana Negara yang menjadi lambang keagungan sistem Raja Berperlembagaan di Negara ini. Oleh itu, usaha membukukan legasi diraja ini amatlah dialu-alukan untuk manfaat rakyat jelata.

Buku ini adalah antara penulisan yang dihasilkan oleh Jabatan Penerangan, selaras dengan fungsinya sebagai penyalur mesej dan maklumat-maklumat rasmi Kerajaan melalui kaedah komunikasi cetak.

Akhirulkalam, sekalung tahniah kepada Jabatan Penerangan kerana telah berjaya menghasilkan buku ini.

Sekalung Tinta

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Penerangan kerana telah berjaya menerbitkan buku berjudul *Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia* dengan jayanya.

Dalam konteks negara kita, Institusi Raja Berperlembagaan ini merupakan warisan kesultanan Melayu yang perlu difahami dan dihayati sebagai satu proses perjalanan sejarah yang akhirnya melahirkan sistem Raja Berperlembagaan yang dimaktubkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara bagi Malaysia.

Institusi Raja Berperlembagaan di Negara kita merupakan satu institusi yang unik dan mempunyai peranan dan kedudukannya yang tersendiri dalam sistem pentadbiran Negara.

Keunikannya terletak kepada sistem pelantikan oleh Majlis Raja-raja Melayu mengikut giliran lima tahun sekali dalam kalangan sembilan Sultan-sultan yang memerintah di negeri-negeri di Semenanjung. Amalan sistem giliran ini tidak terdapat di mana-mana negara yang mengamalkan sistem beraja di dunia.

Saya berharap buku ini dapat dijadikan pengetahuan yang berguna bagi rakyat supaya memahami sistem Raja Berperlembagaan yang selari dengan amalan demokrasi di Negara ini.



**DATUK SERI
KAMARUDDIN SIARAF**

Ketua Setiausaha
Kementerian Penerangan Komunikasi
dan Kebudayaan



**HAJI IBRAHIM ABDUL
RAHMAN**

Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

Seuntai Tinta

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya buku *Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia* ini telah dapat diterbitkan. Sesungguhnya usaha Jabatan Penerangan ini dalam mendokumentasikan sejarah Raja Berperlembagaan di negara ini adalah wajar.

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik di mana kita mengamalkan Sistem Raja Berperlembagaan yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Sistem Raja Berperlembagaan ini telah diamalkan sejak sekian lama, justeru itu diharapkan buku ini juga dapat memberi pengetahuan khususnya kepada generasi kini tentang peranan Institusi Raja Berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia.

Kita sebagai rakyat Malaysia haruslah taat dan setia kepada Yang di-Pertuan Agong seperti yang dilafazkan melalui ikrar Rukun Negara.

Besar harapan saya kiranya buku ini dapat memberikan maklumat kepada masyarakat tentang tugas dan peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara serta alat-alat kebesaran diraja dan adat istiadat yang diamalkan semasa Majlis Pertabalan. Sesungguhnya penerbitan buku ini serta koleksi-koleksi gambar yang terpilih yang berkaitan dengan Institusi Raja menjadikan penerbitan ini sebagai bahan rujukan dan juga menambahkan lagi khazanah penerbitan negara.



**ASAL-USUL
KESULTANAN MELAYU**



Asal-usul Kesultanan Melayu

Sejarah Kerajaan Kesultanan Melayu di Malaysia telah bermula dari Kerajaan Langkasuka purba dan Kerajaan Melayu Melaka. Kebanyakan Kesultanan negeri di Malaysia berakar dari Kerajaan Melayu Melaka yang diasaskan oleh Parameswara pada tahun 1400 masihi.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Kesultanan Kedah terkecuali kerana asal usulnya berasal dari Kerajaan Langkasuka iaitu sebuah kerajaan purba yang diasaskan pada abad ke-2 Masihi. Kerajaan Kesultanan Kedah juga merupakan kerajaan yang paling tua di Malaysia dan berkemungkinan juga Kerajaan yang paling tertua di dunia.



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke IV, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah bersama Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Intan Zaharah berkenan berangkat ke Istiadat Penganugerahan Bintang-bintang dan Darjah Kebesaran yang diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 1970. Turut hadir Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (lima dari kanan), Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein (empat dari kiri) dan Tun Dr Ismail Abdul Rahman (tiga dari kanan).

ISBN 978-983-54-0567-9



9 789835 405679

MS ISO/IEC 17021:2006
QS 02121999 CB 01